

# Dr M wajar dikenakan tindakan

**K**UALA LUMPUR: Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata Tun Dr Mahathir Mohamad sewajarnya dikenakan tindakan disiplin kerana mengkritik kerajaan di hadapan pembangkang.

Merujuk usul beberapa cawangan Umno Kubang Pasu supaya beliau dipecat daripada parti kerana menghentam bekas Perdana Menteri itu, Nazri berkata, beliau hanya mempertahankan kerajaan dan kepemimpinan Umno.

"Yang patut didisiplinkan ialah Tun bukan saya," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kaukus Kesaksamaan Gender dan menerima laporan tahunan pemerhati hak asasi manusia di Bangunan Parlimen, semalam.

Ditanya kesan usul itu terhadapnya, Nazri yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, kedudukan beliau tidak terjejas kerana ia hanya dikemukakan beberapa cawangan, bukannya keseluruhan bahagian Umno itu.

"Saya difahamkan usul itu bukan usul Kubang Pasu, hanya empat atau lima cawangan yang mengemukakan kepada mesyuarat perwakilan bahagian dan usul itu pun ditolak," katanya.